

KUALA MUDA *lih.* KOTA KUALA MUDA

KUALA PILAH PRESS, percetakan Melayu. Kuala Pilah Press ditubuhkan pada tahun 1934 oleh Abdul Ghani Abdullah. Mulai tahun 1935 hingga tahun 1975, percetakan ini menjalankan kerja mencetak serta menerbitkan buku dengan hanya menggunakan dua buah mesin cetak jenis 'Platen Handfit' atau 'Letter Press' dan sebuah mesin penjilid.

Sejak awal tahun 1975, tempat kegiatan percetakan ini dipindahkan ke Bangunan MARA, Jalan Seremban, Kuala Pilah. Pada 15 Jun 1976, nama asal percetakan ini ditukar secara rasmi kepada Percetakan Melayu Kuala Pilah Sendirian Berhad. Ketika itu, percetakan ini diuruskan oleh Abdul Ghani Abdullah dengan dibantu oleh anaknya, Nordin Abdul Ghani.

Sejak Kuala Pilah Press ditubuhkan hingga tahun 1976, percetakan ini merupakan sebuah perusahaan persendirian. Ini bererti bahawa percetakan ini merupakan hak mutlak Abdul Ghani Abdullah secara individu. Sebagai 'sole proprietor' kepada badan percetakan ini, Abdul Ghani terpaksa membiayai segala perbelanjaan dan menanggung semua risiko yang berkaitan dengannya.

Pada 15 Jun 1976, Percetakan Melayu Kuala Pilah telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, Seksyen 16 (4) sebagai sebuah syarikat sendirian berhad menurut syer.

Di samping mencetak kad jemputan atau ucapan, iklan, poster, 'letter head' jabatan kerajaan dan syarikat perniagaan, percetakan ini juga menerbitkan majalah, iaitu *Juita* (1948–1953), *Filem Juita* (mula diterbitkan Mei 1953), dan buku-buku serta lebih kurang 76 novel. Antara novel terkenal yang diterbitkan termasuklah *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* (1927) karya Ahmad Kotot, *Pending Berdarah atau Barisan Tun Fatimah* (1950) karya Afrini

Idham, *Korban Keris Melaka* (1956) karya Ahmad Bakhtiar, *Bunga Sukma* (?) karya Mokhtar Petah dan *Pahlawan Dol Said Naning* (?) karya Shahabudin Ahmad.

Pada 30 September 1976, Percetakan Melayu Kuala Pilah dan Perbadanan Kemajuan Ikhtisas Negeri Sembilan (PKENS) telah menubuhkan Percetakan Negeri dengan Abdul Ghani Abdullah memiliki satu syer dan pihak PKENS juga satu syer. Percetakan Negeri beroperasi di Kuala Pilah dan menggunakan tempat, pekerja serta peralatan Percetakan Melayu Kuala Pilah. Jalinan hubungan itu hanya berlangsung selama dua tahun apabila Percetakan Negeri berpindah dan beroperasi di Seremban.

Setelah berpecah, Nordin menumpukan perhatian terhadap percetakan ayahnya. Percetakan ini kemudiannya kehilangan tenaga penggerak utama, apabila Abdul Ghani Abdullah meninggal dunia pada 22 November 1984. Sejak itu Percetakan Melayu Kuala Pilah agak terencat perkembangannya. Meskipun begitu, percetakan ini masih meneruskan operasinya walaupun menerima banyak saingan daripada percetakan lain.

Pada awal tahun 1989, percetakan ini ditutup.